

MyCC konsisten pantau industri simen

Oleh SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR

SURUHANJAYA Persaingan Malaysia (MyCC) akan menumpukan perhatian dan usaha untuk memantau industri simen secara konsisten bagi melindungi kerajaan dalam pengumuman kenaikan harga simen.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

(KPDNHEP) telah mengadakan pertemuan dengan pemain-pemain industri simen semalam.

"Kami sedang bekerjasama rapat dengan kementerian untuk memberikan input dan akan menilai perkara ini di bawah peruntukan Akta Persaingan 2010 jika perlu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, selain mengambilibil maklum terhadap notis-notis kenaikan harga yang telah dikeluarkan oleh beberapa syarikat simen dan konkrit campuran siap, MyCC turut mengambil kira kesan penggabungan antara YTL dan Lafarge yang telah

menyebabkan penumpukan pasaran di tahap hulu dan hiliran.

Katanya, Seksyen 4 dan Seksyen 10 AP 2010 dengan jelas melarang perusahaan daripada membuat perjanjian antipersaingan dan menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di pasaran.

"Suruhanjaya akan terus dengan inisiatifnya untuk menggalakkan dan melindungi pro-

ses persaingan dan menggesa orang ramai untuk membuat aduan kepada Suruhanjaya di complaints@mycc.gov.my sekiranya mereka mengesan sebarang perlakuan antipersaingan dalam industri simen," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penggiat industri simen di negara ini bersejuru untuk tidak

menaikkan harga simen.

Menurutnya, keputusan itu dicapai selepas pertemuan beliau dengan pemain-pemain industri tersebut semalam susulan ura-ura akan berlaku kenaikan harga simen sehingga 50 peratus.

"Mereka ada menyatakan beberapa alasan untuk menaikkan harga simen ekoran peningkatan kos dan selain kenaikan harga bahan import untuk membuat simen akibat kelemahan ringgit. Bagaimanapun, hasil pertemuan semalam mereka bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen," katanya.



ISKANDAR ISMAIL

MyCC pantau industri simen

19 Jun 2019 6:50 PM



Iskandar Ismail

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menumpukan perhatian dan usaha untuk memantau industri simen secara konsisten bagi menyokong inisiatif kerajaan dalam melindungi pengguna susulan pengumuman kenaikan harga simen.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengadakan pertemuan dengan pemain-pemain industri simen semalam.

"Kami sedang bekerjasama rapat dengan kementerian untuk memberikan input dan akan menilai perkara ini di bawah peruntukan Akta Persaingan (AP) 2010 jika perlu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, selain mengambil maklum terhadap notis-notis kenaikan harga yang telah dikeluarkan oleh beberapa syarikat simen dan konkrit campuran siap, MyCC juga turut mengambil kira kesan penggabungan antara YTL dan Lafarge yang telah menyebabkan penumpuan pasaran di tahap hulu dan hiliran.

Katanya, Seksyen 4 dan Seksyen 10 AP 2010 dengan jelas melarang perusahaan daripada membuat perjanjian anti persaingan dan menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di pasaran.

"Suruhanjaya akan terus dengan inisiatifnya untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan menggesa orang ramai untuk membuat aduan kepada Suruhanjaya di complaints@mycc.gov.my sekiranya mereka mengesan sebarang perlakuan antipersaingan dalam industri simen," ujarnya. - UTUSAN ONLINE

